

Lebih banyak Kampus Kota UiTM bakal dibina

Oleh AMIRAH ZAWATIL AMALY

KOTA BHARU 8 Julai - Kementerian Pengajian Tinggi merancang membina lebih banyak Kampus Kota Universiti Teknologi Mara (UiTM) di seluruh negara bagi mengatasi masalah tempat yang semakin terhad di universiti berkenaan.

Menterinya, Datuk Mustapa Mohamed berkata, setakat ini, ada dua Kampus Kota UiTM iaitu di Melaka dan Kota Bharu yang memberi manfaat dan kemudahan terutama kepada pelajar yang mengambil

UM: 9/7/2007

program pengajian jarak jauh.

"Seramai 100,000 pelajar UiTM sedang mengikuti pengajian masing-masing di 14 buah kampus di seluruh negara dalam pelbagai bidang.

"Kita jangka jumlah ini akan meningkat dari setahun ke setahun berikutan minat yang tinggi di kalangan para pelajar untuk memasuki universiti ini.

"Pembinaan Kampus Kota UiTM juga adalah antara hasrat kementerian dalam memastikan universiti terbesar ini mampu menampung bilangan pelajar sehingga 200,000 menjelang 2010," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas mendengar taklimat operasi Kampus Kota UiTM Kota Bharu di sini hari ini.

Hadir sama ialah Naib Canselor UiTM, Datuk Seri Prof. Dr. Ibrahim Abu Shah dan Pengarah Kampus UiTM Machang, Datuk Prof. Dr. Hussin @ Mohamad Ab. Rahman.

Pengumuman mewujudkan kampus kota di negeri Kelantan dibuat oleh kementerian itu tahun lalu bagi mengatasi masalah tempat yang terhad.

Sementara itu, Mustapa memberitahu, kementeriannya memperuntukkan RM3.5

bilion dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) bagi pembinaan beberapa buah kampus UiTM yang baru di beberapa negeri termasuk di Kelantan.

"Sekarang ini, kebanyakan negeri mempunyai sebuah kampus UiTM tetapi pada masa hadapan dengan pembinaan kampus-kampus baru ini, akan ada beberapa negeri yang mempunyai lebih dari sebuah kampus.

"Penubuhan kampus kota dan kampus-kampus yang baru ini dilihat sebagai jalan terbaik membantu UiTM menangani masalah kekurangan tempat," ujarnya.